



Muka Surat

- 01 Kata Alu-aluan
Ketua Setiausaha
Timbalan Ketua Setiausaha (K)
Setiausaha Bahagian (PB)
- 04 Senarai Jadual
- 06 Akronim dan Terminologi
- 07 Sekilas Pandang
- 08 Latar Belakang
- 09 Objektif
Kualiti Kehidupan Penghuni Bangunan Berstrata
 Kualiti Pengurusan Kategori 1
 Kualiti Pengurusan Kategori 2
 Kualiti Pengurusan Kategori 3
 Kualiti Pengurusan Kategori 4
- 14 Pemerkasaan Penghuni Strata (Empowerment)
 Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan Kategori 1
 Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan Kategori 2
 Bilangan Penubuhan Pihak Pengurusan Kategori 3
- 18 Kualiti Penyampaian Perkhidmatan
 Bilangan dan Jenis Aduan Yang Diterima Kategori 1
 Bilangan dan Jenis Aduan Yang Diterima Kategori 2
 Bilangan dan Jenis Aduan Yang Diterima Kategori 3
- 22 Keberkesanan Pelaksanaan
 Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Kategori 1
 Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Kategori 2
 Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Kategori 3
 Prestasi Pencapaian Tindakan Penguatkuasaan Kategori 4
- 26 Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata COB PBT
- 27 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
 Peraturan Pengurusan Strata
- 28 Penyusunan Semula Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- 29 Lampiran



“ Pengurusan bangunan berstrata di negara ini makin kompleks dan mencabar. Cabaran utama antara lain ialah mengubah persepsi penghuni terhadap pengurusan bangunan berstrata. Penyemaian nilai dan budaya hidup penghuni di bangunan bertingkat memerlukan satu usaha yang konsisten dan berterusan. Justeru itu, adalah menjadi visi Kementerian untuk memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati persekitaran kehidupan yang mampan dan berterusan selaras dengan Wawasan Negara 2020. Pengenalan Akta Pengurusan Strata (Akta 757) pada 2013 memastikan pelaksanaan pengurusan strata yang lebih komprehensif dan berkesan. ”

DATO' SERI ARPAH BINTI ABDUL RAZAK

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan



“ Kejayaan memastikan setiap kawasan pemajuan berstrata memenuhi tahap pengurusan yang berkualiti dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan memerlukan komitmen yang tinggi daripada Pesuruhjaya Bangunan merangkap YDP. Secara umumnya, setiap penyelesaian masalah yang dihadapi oleh penghuni strata akan menyelesaikan 30% masalah penduduk Bandar.

Justeru itu, Pesuruhjaya Bangunan perlu menggunakan pendekatan sinergi untuk memastikan setiap kawasan pemajuan berstrata mempunyai tahap pengurusan yang berkualiti. ”

DATO' HALIMI BIN ABD. MANAF

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan



“Pencapaian COB PBT pada tahun 2013 telah menunjukkan beberapa indikator positif seperti penurunan jumlah aduan, pertambahan bilangan JMB/MC dan peningkatan bilangan peserta seminar COB PBT. Bagi memperkasakan COB di PBT, kerajaan telah melakukan transformasi COB di KPKT dan beberapa PBT. Ini menunjukkan bahawa kerajaan telah memberi perhatian yang serius dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada penghuni bangunan berstrata seluruh Negara.”

MOHAMMAD RIDZWAN BIN ABIDIN

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Sektor Kesejahteraan Bandar
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan


SENARAI JADUAL

LAMPIRAN	JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
1	1	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 1.	29
	2	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 1.	
2	3	Keterangan Jenis Kesalahan Mengikut Seksyen yang diperlukan dalam AKTA 663.	30
3	4	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 1.	31
4	5	Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 1.	32
5	6	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 2.	33
	7	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 2.	
6	8	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 2.	34
7	9	Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 2.	35

LAMPIRAN	JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
8	10	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 3.	36
9	11	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 3.	37
10	12	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 3.	38
11	13	Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 3.	39
12	14	Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 4.	40
13	15	Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 4.	41
14	16	Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 4.	42
15	17	Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan PBT Kategori 4.	45
16	18	Bilangan Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata mengikut Negeri Tahun 2013.	48

AKRONIM DAN TERMINOLOGI

NO.	AKRONIM	KETERANGAN
1.	KB	Kesejahteraan Bandar
2.	BPP	Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
3.	COB	<i>Commissioner of Building</i> (Pesuruhjaya Bangunan)
4.	PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
5.	JMB	<i>Joint Management Body</i> (Badan Pengurusan Bersama)
6.	MC	<i>Management Corporation</i> (Perbadanan Pengurusan)
7.	COB Kategori 1	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 50,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
8.	COB Kategori 2	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 10,000 petak dan kurang daripada 50,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
9.	COB Kategori 3	Kawasan yang mempunyai bilangan petak lebih daripada 3,000 petak tetapi kurang daripada 10,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
10.	COB Kategori 4	Kawasan yang mempunyai bilangan petak kurang daripada 3,000 petak dalam sesebuah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan
11.	Kawasan Pemajuan	Mana-mana tanah diberi hakmilik yang dipegang sebagai satu lot di bawah hakmilik muktamad (sama ada hakmilik Pejabat Pendaftaran atau Pejabat Tanah) yang di atasnya bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk pecah bahagi kepada petak dibina atau sedang dalam pembinaan.




30%

penduduk bandar
menghuni bangunan berstrata



JMB/MC



37 %

JMB/MC ditubuhkan
daripada semua pemajuan



STATISTIK PENGHUNI STRATA



6 juta

isi rumah menghuni

1.5 juta


petak

SEKILAS PANDANG

LAPORAN TAHUNAN PESURUJAYA BANGUNAN
2013



PENARAFAN BINTANG



38 %


kawasan mendapat
star rating 1 bintang

1 %

kawasan pemajuan
mendapat star rating
5 bintang



ADUAN



14 %

aduan menurun

LATAR BELAKANG

Laporan Tahunan 2013 ini merupakan laporan tahunan keempat yang disediakan bermula pada tahun 2010. Pada masa kini, penduduk di kawasan perbandaran mewakili hampir 70% penduduk Bandar yang bersamaan 20 juta orang. Manakala penduduk strata mendiami 1.5 juta petak dianggarkan berjumlah 6 juta orang. Ini bermakna penghuni strata mewakili hampir 30% daripada penduduk Bandar. Ini memberi makna bahawa sekiranya masalah penduduk strata dapat diselesaikan, sejumlah 30% masalah penduduk bandar telah dapat diselesaikan.

Daripada pemerhatian dan pemantauan yang dilaksanakan, masyarakat bangunan berstrata sudah mula mengetahui dan memahami keperluan untuk mempunyai pasukan pengurusan yang berkesan. Walau bagaimanapun masih banyak lagi terdapat bangunan berstrata yang tidak dapat diuruskan dengan baik dan memuaskan walaupun untuk memenuhi tahap keperluan asas pengurusan seperti kebersihan, keselamatan dan persekitaran. Namun begitu, hasrat untuk melihat semua bangunan berstrata menikmati kualiti pengurusan yang mencukupi, telah menyemarakkan misi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk memperkuuhkan dasar dan mekanisma pemantauan pelaksanaan berkaitan pengurusan strata seluruh Negara.

Pada bulan November tahun 2013, Kerajaan telah meluluskan satu struktur organisasi yang baru yang dikenali sebagai Cawangan Pengurusan Strata di bawah Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, Sektor Kesejahteraan Bandar, KPKT. Pengukuhan organisasi ini telah melengkapkan usaha Kementerian iaitu pengukuhan perundangan dengan terwrtanya Akta Pengurusan Strata (Akta 757) pada 8 Februari 2013. Cawangan ini akan menyemarakkan lagi usaha pada masa-masa yang akan hadapan bagi memastikan setiap penghuni bangunan berstrata dapat peluang menikmati kehidupan yang berkualiti selaras dengan misi KPKT dan Wawasan Negara 2020.


OBJEKTIF

Kualiti hidup penghuni bangunan berstrata amat berkait rapat dengan kualiti pengurusan bangunan. Oleh itu objektif laporan ini adalah untuk memantau tahap pengurusan yang terdapat di seluruh Negara. Selain daripada itu, pemantauan juga dibuat terhadap jumlah aduan yang diterima, jumlah penubuhan JMB/MC dan jumlah penguatkuasaan yang diambil mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Hasil laporan ini diharap dapat membantu Pesuruhjaya Bangunan di PBT merangka strategi dan pelan tindakan dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan.

KUALITI KEHIDUPAN PENGHUNI BANGUNAN BERSTRATA

Kualiti kehidupan penghuni bangunan berstrata adalah merujuk kepada penilaian kualiti pengurusan kawasan pemajuan berstrata.

- Sebanyak **5,953** jumlah kawasan pemajuan berstrata telah terlibat dalam penilaian ini.
- Aspek kualiti yang dinilai adalah merujuk kepada kewangan, penyenggaraan, pentadbiran, pematuhan undang-undang, sokongan penduduk, pengurusan keselamatan dan pengurusan risiko.
- Pada keseluruhannya tahun **2013**, sejumlah **2,265(38%)** memperoleh penarafan 1 bintang, **1,424(24%)** penarafan 2 bintang, **1,703(29%)** 3 bintang, **492(8%)** 4 bintang dan **69(1%)** sahaja yang memperoleh penarafan 5 bintang seperti pada **Carta 1**.



Carta 1 : KUALITI PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA (STAR RATING) TAHUN 2013


KUALITI PENGURUSAN COB PBT KATEGORI 1

COB PBT Kategori 1 mempunyai sejumlah **12,550** kawasan pemajuan pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, hanya **4,678(37%)** kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada **Carta 2**. Daripada jumlah tersebut kualiti pengurusan yang mendapat mendapat 5 bintang **60(0.80%)**, 4 bintang **367(4.70%)**, 3 bintang **1,402(18%)**, 2 bintang **949(12.20%)** dan **1,899(24.30%)** 1 bintang seperti pada **Carta 2**.

Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 1 adalah seperti di Jadual 5 (**Lampiran 4**).

Carta 2 :

BILANGAN DAN KUALITI PENGURUSAN (STAR RATING) YANG TERDAPAT PADA SETIAP KAWASAN PEMAJUAN PBT KATEGORI 1




KUALITI PENGURUSAN COB PBT KATEGORI 2

COB PBT Kategori 2 mempunyai sejumlah 1,862 kawasan pemajuan pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, hanya **644(35%)** kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada **Carta 3**. Daripada jumlah tersebut kualiti pengurusan yang mendapat mendapat 5 bintang **0(0%)**, 4 bintang **53(7.80%)**, 3 bintang **87(12.90%)**, 2 bintang **328(48.50%)** dan **176(26%)** 1 bintang seperti pada **Carta 3**.

Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 9 (**Lampiran 7**).

Carta 3 : BILANGAN DAN KUALITI PENGURUSAN (STAR RATING) YANG TERDAPAT PADA SETIAP KAWASAN PEMAJUAN YANG TERDAPAT DALAM KAWASAN PBT KATEGORI 2




KUALITI PENGURUSAN COB PBT KATEGORI 3

COB PBT Kategori 3 mempunyai sejumlah 754 kawasan pemajuan pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, hanya **361(48%)** kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada **Carta 4**. Daripada jumlah tersebut kualiti pengurusan yang mendapat mendapat 5 bintang **9(2.30%)**, 4 bintang **39(9.80%)**, 3 bintang **126(31.70%)**, 2 bintang **98(24.70%)** dan **89(22.4%)** 1 bintang seperti pada **Carta 4**.

Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 3 adalah seperti di Jadual 13 (**Lampiran 11**).

Carta 4 : BILANGAN DAN KUALITI PENGURUSAN (STAR RATING) YANG TERDAPAT PADA SETIAP KAWASAN PEMAJUAN YANG TERDAPAT DALAM KAWASAN PBT KATEGORI 3




PRESTASI KUALITI PENGURUSAN COB PBT KATEGORI 4

COB PBT Kategori 4 mempunyai sejumlah 700 kawasan pemajuan pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, hanya **360(52%)** kawasan pemajuan sahaja yang dinilai seperti pada **Carta 5**. Daripada jumlah tersebut kualiti pengurusan yang mendapat mendapat 5 bintang **0(0%)**, 4 bintang **33(5%)**, 3 bintang **96(14%)**, 2 bintang **90(13%)** dan **135(20.0%)** 1 bintang seperti pada **Carta 5**.

Statistik pencapaian indeks kualiti pengurusan bangunan berstrata di kawasan pemajuan bagi COB Kategori 4 adalah seperti di Jadual 17 (**Lampiran 15**).

Carta 5 : BILANGAN DAN KUALITI PENGURUSAN (STAR RATING) YANG TERDAPAT PADA SETIAP KAWASAN PEMAJUAN YANG TERDAPAT DALAM KAWASAN PBT KATEGORI 4




B. PEMERKASAAN PENGHUNI STRATA (EMPOWERMENT)

Pemerkasaan penghuni strata adalah merujuk kepada penubuhan JMB/MC melalui mesyuarat agung tahunan. Mesyuarat agung ini memberi peluang kepada semua penduduk untuk memilih wakil-wakil penduduk dari jawatan kuasa pengurusan yang dikenali sebagai JMB/MC (Akta 663/318)

Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat agung melibatkan proses keputusan berkenaan kewangan, undang-undang dan keharmonian penduduk secara keseluruhannya.

Tahun 2013 menunjukkan sejumlah **5,925(37%)** daripada jumlah keseluruhan **15,866** kawasan pemajuan berstrata telah menujuhkan JMB/MC seperti pada **Carta 6**.

Carta 6 : JUMLAH KESELURUHAN BILANGAN JMB/MC BERBANDING BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN




BILANGAN PENUBUHAN PIHAK PENGURUSAN COB PBT KATEGORI 1

COB PBT Kategori 1 mempunyai sejumlah 12,550 kawasan pemajuan pada tahun 2013. Kategori 1 menunjukkan 4,469 (36%) JMB/MC telah ditubuhkan seperti pada **Carta 7**. Walau bagaimanapun masih terdapat **8,081(64%)** kawasan pemajuan yang perlu ditubuhkan JMB/MC.

Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 1 adalah seperti di Jadual 1 (**Lampiran 1**).

Carta 7 : BILANGAN JMB/MC BERBANDING BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN MENGIKUT COB PBT KATEGORI 1




BILANGAN PENUBUHAN PIHAK PENGURUSAN COB PBT KATEGORI 2

COB PBT Kategori 2 mempunyai sejumlah 1,862 kawasan pemajuan pada tahun 2013. Kategori 2 menunjukkan **902(47%)** JMB/MC telah ditubuhkan pada tahun 2013 seperti pada **Carta 8**. Walau bagaimanapun masih terdapat **960(53%)** kawasan pemajuan yang perlu ditubuhkan JMB/MC.

Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 2 adalah seperti di Jadual 6 (**Lampiran 5**).

Carta 8 : BILANGAN JMB/MC BERBANDING BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN MENGIKUT COB PBT KATEGORI 2




BILANGAN PENUBUHAN PIHAK PENGURUSAN COB PBT KATEGORI 3

COB PBT Kategori 3 mempunyai sejumlah 754 kawasan pemajuan pada tahun 2013. Kategori 3 menunjukkan **281(37%)** JMB/MC telah ditubuhkan pada tahun 2013 seperti pada **Carta 9**. Walau bagaimanapun masih terdapat **473(63%)** kawasan pemajuan yang perlu menujuhan JMB/MC.

Bilangan JMB/MC yang telah ditubuhkan dalam kawasan PBT Kategori 3 adalah seperti di Jadual 10 (**Lampiran 8**).


Carta 9 : BILANGAN JMB/MC BERBANDING BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN MENGIKUT COB PBT KATEGORI 3




C. KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Kualiti penyampaian perkhidmatan adalah merujuk kepada jumlah aduan diterima yang berjaya diselesaikan oleh COB PBT. Pada tahun 2013, sebanyak **13,602 aduan** telah diterima. Sejumlah **13,412(98%)** daripada jumlah aduan tersebut berjaya diselesaikan. **Carta 10** menunjukkan bilangan aduan yang diterima mengikut jenis, manakala **Carta 11** menunjukkan bilangan aduan mengikut Kategori COB PBT.

Carta 10 : BILANGAN ADUAN DITERIMA MENGIKUT JENIS



Carta 11 : BILANGAN ADUAN DITERIMA MENGIKUT KATEGORI COB




JUMLAH ADUAN MENGIKUT TAHUN 2009 - 2013

Jumlah penerimaan aduan tertinggi dalam tempoh lima tahun (**2009-2013**) adalah sejumlah **19,075** pada tahun **2011**. Perbandingan jumlah aduan diterima pada tahun 2011 dan 2013 (13,602) menunjukkan penurunan sebanyak **5,473** aduan.

Pola jumlah penerimaan aduan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti **Carta 12**.

Carta 12 : JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA DARI TAHUN 2009 HINGGA TAHUN 2013




BILANGAN DAN JENIS ADUAN YANG DITERIMA COB PBT KATEGORI 1

Pada tahun 2013, sebanyak 10,812 aduan telah diterima. Pecahan berdasarkan kepada bidang kuasa Akta yang terbabit adalah seperti di **Carta 13**. Jenis aduan yang paling tinggi diterima oleh COB PBT Kategori 1 adalah **khidmat nasihat (22%)**

Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 1 adalah seperti di Jadual 2 (**Lampiran 1**).

Carta 13 : BILANGAN DAN JENIS ADUAN YANG DITERIMA OLEH COB PBT KATEGORI 1




BILANGAN DAN JENIS ADUAN YANG DITERIMA COB PBT KATEGORI 2

Pada tahun 2013, sebanyak 1,591 aduan telah diterima. Pecahan berdasarkan kepada bidang kuasa Akta yang terbabit adalah seperti di **Carta 14**. Jenis aduan yang paling tinggi diterima oleh COB PBT Kategori 2 adalah **khidmat nasihat (41%)**

Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 7 (**Lampiran 5**).

Carta 14 : BILANGAN DAN JENIS ADUAN YANG DITERIMA OLEH COB PBT KATEGORI 2




BILANGAN DAN JENIS ADUAN YANG DITERIMA COB PBT KATEGORI 3

Pada tahun 2013, sebanyak 1,000 aduan telah diterima. Pecahan berdasarkan kepada bidang kuasa Akta yang terbabit adalah seperti di **Carta 15**. Jenis aduan yang paling tinggi diterima oleh COB PBT Kategori 3 adalah **khidmat nasihat 335(34%)**.

Bilangan dan jenis aduan yang diterima oleh COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 11 (**Lampiran 9**).


Carta 15 : BILANGAN DAN JENIS ADUAN YANG DITERIMA OLEH COB PBT KATEGORI 3



D. KEBERKESANAN PELAKSANAAN

Keberkesanan pelaksanaan adalah merujuk kepada tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh COB PBT. Pada tahun 2013, sebanyak **10,441** jenis tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh COB PBT. Daripada 9 jenis kesalahan (Jadual 3, **Lampiran 2**) yang boleh diambil tindakan, hanya satu jenis kesalahan sahaja yang menjadi tumpuan/pilihan iaitu kesalahan di bawah seksyen 34 (Pembeli yang gagal menjelaskan caj penyenggaraan boleh didenda tidak melebihi RM5,000.00 jika sabit kesalahan). Statistik penguatkuasaan mengikut Kategori seperti pada **Carta 16**.


Carta 16 : JUMLAH KESELURUHAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG TELAH DIJALANKAN OLEH COB PBT MENGIKUT KATEGORI



PRESTASI KEBERKESANAN PELAKSANAAN COB PBT KATEGORI 1

Pada tahun 2013, sejumlah **9,814** tindakan penguatkuasaan telah dijalankan berbanding jumlah kawasan pemajuan yang berjumlah 12,550 seperti pada **Carta 17**. Jumlah tindakan penguatkuasaan yang paling tinggi telah dijalankan bagi COB PBT Kategori 1 ialah **seksyen 34 - Gagal membayar caj (9,650 tindakan)**. Statistik penguatkuasaan bagi COB Kategori 1 adalah seperti di Jadual 4 (**Lampiran 3**).


Carta 17 : BILANGAN DAN JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG TELAH DIJALANKAN OLEH COB PBT KATEGORI 1



PRESTASI PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN COB PBT KATEGORI 2

Pada tahun 2013, sejumlah **168** tindakan penguatkuasaan telah dijalankan berbanding jumlah kawasan pemajuan yang berjumlah 1,862 seperti pada **Carta 18**. Jumlah tindakan penguatkuasaan yang paling tinggi telah dijalankan bagi COB PBT Kategori 2 ialah **seksyen 5 - Tidak panggil mesyuarat pertama (64 tindakan)**. Statistik penguatkuasaan bagi COB Kategori 2 adalah seperti di Jadual 8 (**Lampiran 6**).


Carta 18 : BILANGAN DAN JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG TELAH DIJALANKAN OLEH COB PBT KATEGORI 2



PRESTASI PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN COB PBT KATEGORI 3

Pada tahun 2013, sejumlah **375** tindakan penguatkuasaan telah dijalankan berbanding jumlah kawasan pemajuan yang berjumlah 754 seperti pada **Carta 19**. Jumlah tindakan penguatkuasaan yang paling tinggi telah dijalankan bagi COB PBT Kategori 3 ialah **seksyen 34 - Gagal membayar caj (289 tindakan)**. Statistik penguatkuasaan bagi COB Kategori 3 adalah seperti di Jadual 12 (**Lampiran 10**).

Carta 19 : BILANGAN DAN JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG TELAH DIJALANKAN OLEH COB PBT KATEGORI 3



PRESTASI PENCAPAIAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN COB PBT KATEGORI 4

Pada tahun 2013, sejumlah **102** tindakan penguatkuasaan telah dijalankan berbanding jumlah kawasan pemajuan yang berjumlah 700. Jumlah tindakan penguatkuasaan yang paling tinggi telah dijalankan bagi COB PBT Kategori 4 ialah **seksyen 21 - Kemuka akaun beraudit (42 tindakan)**. Statistik penguatkuasaan bagi COB Kategori 3 adalah seperti di Jadual 16 (**Lampiran 14**).

E. SEMINAR PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA COB PBT

Sebanyak 34 siri seminar telah diadakan pada tahun 2013 di seluruh Negara bagi memberi pendedahan dan meningkatkan pemahaman Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) berkenaan Akta 663.

Usaha ini diadakan bagi meningkatkan pengetahuan JMB/MC dalam aspek penyenggaraan dan pengurusan bangunan berstrata dari segi pentadbiran, operasi penyenggaraan, pengurusan kewangan, keselamatan, insuran dan baikpulih bangunan dan harta bersama.


Seminar ini merupakan kesinambungan kepada seminar yang telah diadakan sebelum ini. Tujuan seminar ini adalah bagi memastikan pendidikan secara berterusan. Kesan yang diterapkan melalui seminar ini dilihat dapat memberi manfaat positif kepada peserta. Ini penting bagi menambahbaik kualiti pengurusan dan penyenggaraan di skim strata masing-masing.

Seramai 6,485 peserta telah menghadiri seminar tersebut yang terdiri daripada JMB/MC, penduduk, pemaju serta kakitangan PBT. Bilangan seminar dan jumlah peserta adalah seperti di Jadual 18 (**Lampiran 16**).



F. AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)


Pengurusan strata seluruh Negara telah mencatat satu lagi sejarah apabila Akta Pengurusan Strata (Akta 757) telah diwartakan pada 8 Februari 2013. Dengan pengenalan Akta 757 ini, setiap urusan berkaitan pengurusan strata yang selama ini terdapat dalam beberapa akta seperti Akta Hakmilik Strata (Akta 318) dan Akta Pemajuan Perumahan (Akta 118) telah diselaraskan dan disatukan dalam sebuah rujukan yang khusus. Akta 757 ini bakal menggantikan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) apabila dikuatkuasakan nanti. Penghasilan Akta 757 ini merupakan satu strategi Kerajaan dalam menangani isu dan masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat khususnya penghuni bangunan berstrata secara komprehensif.



G. PERATURAN PENGURUSAN STRATA

Untuk memantapkan pelaksanaan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), Bahagian COB telah mengambil inisiatif untuk menyediakan tiga (3) peraturan iaitu Penyenggaraan dan Pengurusan, Tribunal Pengurusan Strata dan Pengkompaunan.

H. PENYUSUNAN SEMULA BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN



Pada November 2013, Kerajaan telah meluluskan struktur organisasi yang baru yang dikenali sebagai Cawangan Pengurusan Strata di bawah Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, Sektor Kesejahteraan Bandar, KPKT bertujuan memantapkan urusan berkaitan pengurusan strata.

Ini merupakan satu lonjakan besar dalam salah satu strategi pengurusan strata. Penyusunan semula dan pertambahan kakitangan dalam Bahagian yang pernah dikenali sebagai Bahagian Penyelaras Pesuruhjaya Bangunan, melibatkan jawatan profesional seperti pegawai undang-undang, akauntan selain pewujudan jawatan terbuka bagi unit pembangunan komuniti strata.

Cawangan Pengurusan Strata mengandungi empat(4) unit utama iaitu; Unit Khidmat Nasihat dan Pemantauan, Unit Pembangunan Komuniti Strata, Unit Pendakwaan dan Audit dan Unit Sokongan Teknikal. Pengukuhan organisasi ini telah melengkapkan satu lagi strategi iaitu pengukuhan perundungan dengan terwartanya Akta Pengurusan Strata (Akta 757) pada 8 Februari 2013. Dengan ini fungsi Cawangan Pengurusan Strata di bawah Bahagian Perkhidmatan Perbandaran, Sektor Kesejahteraan Bandar, KPKT mempunyai sinergi agar lebih efektif memandangkan isu kesejahteraan masyarakat Bandar merupakan isu perbandaran di Malaysia pada masa kini.

LAMPIRAN 1**Jadual 1 : Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 1**

Bil.	COB PBT Kategori 1	Bil. Kawasan Pemajuan	Bil. Dan Peratusan (%) JMB/MC
1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	4,044	1,147 (28%)
2	Majlis Bandaraya Shah Alam	398	211 (53%)
3	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	1,179	818 (69%)
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	575	327 (57%)
5	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1,312	282 (21%)
6	Majlis Perbandaran Selayang	238	146 (61%)
7	Majlis Perbandaran Seremban	274	120 (44%)
8	Majlis Bandaraya Johor Bahru	389	179 (46%)
9	Majlis Perbandaran Subang Jaya	992	433 (44%)
10	Majlis Perbandaran Seberang Perai	921	272 (30%)
11	Majlis Perbandaran Kajang	1,428	381 (27%)
12	Majlis Perbandaran Klang	800	153 (19%)
Jumlah Keseluruhan		12,550	4,469(36%)

Jadual 2 : Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 1

BIL	NAMA PBT	Bil Kawasan Pemajuan	JENIS ADUAN							Jumlah Terima	Jumlah Selesai
			Wesyuarat dan Pemilihan	Pentadbiran dan Pengurusan	Penyenggaran dan Kerosakan	Isu Kewangan	Khidmat Nasihat	Penguatkuasaan COB	Lain-Lain		
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru	389	79	67	185	380	89	48	59	907	907
2	Majlis Perbandaran Seremban	274	1	5	7	8	2	1	12	36	36
3	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	1179	451	822	443	389	708	0	0	2,813	2,813
4	Majlis Perbandaran Seberang Perai	921	36	67	139	52	65	10	116	485	450
5	Majlis Bandaraya Shah Alam	398	6	90	89	32	294	0	11	522	522
6	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1312	47	79	172	71	17	6	61	453	451
7	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	575	67	82	155	39	465	0	2	810	796
8	Majlis Perbandaran Kajang	1428	67	72	99	56	126	81	15	516	516
9	Majlis Perbandaran Klang	800	62	85	35	156	179	372	50	939	869
10	Majlis Perbandaran Selayang	238	24	92	67	45	33	6	180	447	447
11	Majlis Perbandaran Subang Jaya	992	144	105	341	27	120	0	154	891	891
12	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur *	4044	635	299	194	187	230	261	187	1,993	1,984
JUMLAH		12,550	1,619	1,865	1,926	1,442	2,328	785	847	10,812	10,682
PERATUSAN (%)		-	15%	17%	18%	13%	22%	7%	8%	100%	99%

LAMPIRAN 2**Jadual 3 : Keterangan Jenis Kesalahan mengikut Seksyen yang diperuntukan dalam Akta 663**

Bil.	Seksyen	Keterangan Jenis Kesalahan
1	Seksyen 5	Pemaju tidak memanggil Mesyuarat Pertama
2	Seksyen 15(3)	JMC gagal menyerahkan akaun dan dokumen pengurusan
3	Seksyen 17(7)	Pemaju tidak membuka Akaun Penyenggaraan Bangunan
4	Seksyen 20(3)	Larangan mengutip caj
5	Seksyen 21	Pemaju tidak mengemukakan Akaun beraudit kepada Pesuruhjaya Bangunan
6	Seksyen 28	Ejen tidak memasukkan kutipan caj ke dalam Akaun Penyenggaraan Bangunan dalam tempoh 2 hari selepas diterima
7	Seksyen 30	Penamatan Ejen - Gagal menyerahkan Akaun Penyenggaraan Bangunan (Unaudited/Audited) kepada Pesuruhjaya Bangunan dalam tempoh (1 bulan/3 bulan)
8	Seksyen 31(6)	Pemaju gagal membayar deposit kepada Pesuruhjaya Bangunan
9	Seksyen 34	Pemilik gagal atau enggan membayar caj

LAMPIRAN 3**Jadual 4 : Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 1**

BIL	NAMA PBT	JENIS KESALAHAN									JUMLAH	CATATAN
		Seksyen 5	Seksyen 15(3)	Seksyen 17(7)	Seksyen 20(3)	Seksyen 21	Seksyen 28	Seksyen 30	Seksyen 31(6)	Seksyen 34		
NEGERI JOHOR												
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru	3	5	15	0	7	0	0	0	606	636	
NEGERI SEMBILAN												
2	Majlis Perbandaran Seremban	8	0	6	0	5	0	0	0	2	21	
NEGERI PULAU PINANG												
3	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	9	0	0	0	3	0	0	0	0	12	
4	Majlis Perbandaran Seberang Perai	2	0	0	0	6	0	0	0	46	54	
NEGERI SELANGOR												
5	Majlis Bandaraya Shah Alam	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
6	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	0	0	0	0	0	0	0	0	121	121	
7	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	0	0	0	0	0	0	0	0	6	6	
8	Majlis Perbandaran Kajang	0	0	0	0	0	0	0	0	485	485	
9	Majlis Perbandaran Klang	0	26	1	0	58	0	0	0	323	408	
10	Majlis Perbandaran Selayang	0	0	0	0	0	0	0	0	5,943	5,943	
11	Majlis Perbandaran Subang Jaya	0	0	0	0	0	0	0	0	2,116	2,116	
WILAYAH PERSEKUTUAN												
12	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	8	0	2	0	0	0	0	0	2	12	
JUMLAH		30	31	24	0	79	0	0	0	9,650	9,814	

LAMPIRAN 4**Jadual 5 : Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan dalam kawasan PBT Kategori 1**

Bil.	Nama PBT	Bil. Kawasan Pemajuan	Bil. Sampel dan Peratusan (%)	PENARAFAN BINTANG					
				5	4	3	2	1	TIADA MAKLUMAT
NEGERI : WILAYAH PERSEKUTUAN									
1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	4,044	1,743(43%)	26	132	380	143	1,062	2,301
NEGERI : JOHOR									
2	Majlis Bandaraya Johor Bahru	389	121 (31%)	9	28	27	31	26	268
NEGERI : NEGERI SEMBILAN									
3	Majlis Perbandaran Seremban	274	101 (37%)	1	4	3	11	82	173
NEGERI : PULAU PINANG									
4	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	1,179	715 (61%)	0	27	546	135	7	464
5	Majlis Perbandaran Seberang Perai	921	188 (20%)	4	24	74	77	9	733
NEGERI : SELANGOR									
6	Majlis Bandaraya Shah Alam	398	288 (72%)	0	50	95	76	67	110
7	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1,312	207 (15%)	6	31	81	49	40	1,105
8	Majlis Perbandaran Subang Jaya	992	177 (17%)	11	30	68	40	28	815
9	Majlis Perbandaran Kajang	1,428	588(41%)	0	16	67	161	344	840
10	Majlis Perbandaran Selayang	238	170 (71%)	0	5	40	61	64	68
11	Majlis Perbandaran Klang	800	351(43%)	0	9	16	161	165	449
12	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	575	29 (5%)	3	11	5	4	5	546
JUMLAH		12,550	4,678	60	367	1,402	949	1,899	7,872
(PERATUS)		100%	37%	0.80%	4.70%	18%	12.20%	24.30%	63%

LAMPIRAN 5**Jadual 6 : Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 2**

No.	COB PBT Kategori 2	Bil. Kawasan Pemajuan	Bil. Dan Peratusan (%) JMB/MC
1	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	674	506 (76%)
2	Majlis Bandaraya Ipoh	139	89 (64%)
3	Majlis Perbandaran Port Dickson	176	102 (58%)
4	Majlis Perbandaran Nilai	77	43 (56%)
5	Majlis Perbandaran Sepang	79	45 (57%)
6	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	366	97 (27%)
7	Majlis Daerah Hulu Selangor	351	20 (6%)
Jumlah Keseluruhan		1,862	902 (47%)

Jadual 7 : Bilangan dan Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 2

BIL	NAMA PBT	Bil Kawasan Pemajuan	JENIS ADUAN								Jumlah Terima	Jumlah Selesai
			Mesyuarat dan Pemilihan	Pentadbiran dan Pengurusan	Penyenggaraan dan Kerosakan	Isu Kewangan	Khidmat Nasihat	Pengukuhan COB	Lain-Lain			
1	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	674	3	35	47	10	10	0	4	109	96	
2	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	366	63	152	122	39	402	5	0	783	783	
3	Majlis Perbandaran Nilai	77	8	15	20	7	22	0	3	75	75	
4	Majlis Perbandaran Port Dickson	176	9	30	34	15	44	0	1	133	133	
5	Majlis Bandaraya Ipoh	139	4	6	6	0	15	0	1	32	32	
6	Majlis Perbandaran Sepang	79	7	80	49	1	25	10	1	173	173	
7	Majlis Daerah Hulu Selangor	351	5	1	40	85	134	21	0	286	286	
JUMLAH		1,862	99	319	318	157	652	36	10	1,591	1,578	
PERATUSAN (%)		-	6%	20%	20%	10%	41%	2%	1%	100%	99%	

LAMPIRAN 6**Jadual 8 : Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 2**

BIL	NAMA PBT	JENIS KESALAHAN									JUMLAH	CATATAN
		Seksyen 5	Seksyen 15(3)	Seksyen 17(7)	Seksyen 20(3)	Seksyen 21	Seksyen 28	Seksyen 30	Seksyen 31(6)	Seksyen 34		
NEGERI JOHOR												
1	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	5	0	0	0	0	0	0	0	1	6	
NEGERI MELAKA												
2	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
NEGERI SEMBILAN												
3	Majlis Perbandaran Nilai	2	0	0	0	42	0	0	0	0	44	
4	Majlis Perbandaran Port Dickson	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
NEGERI PERAK												
5	Majlis Bandaraya Ipoh	53	41	1	0	6	0	0	0	0	101	
NEGERI SELANGOR												
6	Majlis Perbandaran Sepang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
7	Majlis Daerah Hulu Selangor	4	0	1	0	0	0	0	0	12	17	
JUMLAH		64	41	2	0	48	0	0	0	13	168	

LAMPIRAN 7**Jadual 9 : Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan dalam kawasan PBT Kategori 2**

BIL	Nama PBT	Bil. Kawasan Pemajuan	BIL. SAMPEL DAN PERATUSAN (%)	PENARAFAN BINTANG					
				5	4	3	2	1	TIADA MAKLUMAT
NEGERI : JOHOR									
1	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	366	127(34%)	0	4	26	69	28	239
NEGERI : MELAKA									
2	Majlis Bandaraya Melaka	674	209 (31%)	0	3	0	158	48	465
NEGERI: NEGERI SEMBILAN									
3	Majlis Perbandaran Nilai	77	61(79%)	0	22	24	10	5	16
4	Majlis Perbandaran Port Dickson	176	38(21%)	0	18	11	8	1	138
NEGERI : PERAK									
5	Majlis Bandaraya Ipoh	139	112 (80%)	0	0	8	24	80	27
NEGERI: SELANGOR									
6	Majlis Perbandaran Sepang	79	39 (49%)	0	3	13	12	11	40
7	Majlis Daerah Hulu Selangor	351	58 (16%)	0	3	5	47	3	293
JUMLAH (PERATUS)		1,862	644	0	53	87	328	176	1,218
		100%	35%	0%	7.80%	12.90%	48.50%	26%	65%

LAMPIRAN 8

Jadual 10 : Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 3

No.	COB PBT Kategori 3	Bil. Kawasan Pemajuan	Bil. Dan Peratusan (%) JMB/MC
1	Majlis Perbandaran Bentong	30	28 (93%)
2	Majlis Perbandaran Sungai Petani	6	6 (100%)
3	Majlis Perbandaran Muar	60	22 (37%)
4	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	55	25 (45%)
5	Majlis Perbandaran Kuantan	64	50 (78%)
6	Majlis Daerah Kuala Langat	30	27 (90%)
7	Majlis Daerah Kuala Selangor	38	20 (53%)
8	Majlis Perbandaran Langkawi	9	4 (44%)
9	Majlis Daerah Cameron Highlands	52	24 (46%)
10	Majlis Perbandaran Kluang	15	7 (47%)
11	Majlis Perbandaran Manjung	95	23 (24%)
12	Majlis Bandaraya Alor Setar	123	18 (15%)
13	Majlis Perbandaran Batu Pahat	177	27 (15%)
Jumlah Keseluruhan		754	281 (37%)

LAMPIRAN 9**Jadual 11 : Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 3**

BIL	NAMA PBT	Bil Kawasan Pemajuan	JENIS ADUAN							Jumlah Terima	Jumlah Selesai
			Mesyuarat dan Pemilihan	Pentadbiran dan Pengurusan	Penyenggaraan dan Kerjasama	Isu Kewangan	Khidmat Nasihat	Penguatkuasaan COB	Lain-Lain		
1	Majlis Perbandaran Batu Pahat	177	10	13	9	17	13	5	9	76	76
2	Majlis Perbandaran Kluang *	15	0	5	18	11	21	0	0	55	55
3	Majlis Perbandaran Muar	60	8	4	9	15	6	6	11	59	57
4	Majlis Bandaraya Alor Setar	123	0	0	0	0	19	0	0	19	19
5	Majlis Perbandaran Langkawi	9	1	2	0	0	0	0	0	3	3
6	Majlis Perbandaran Sungai Petani	6	0	1	0	1	4	0	1	7	7
7	Majlis Perbandaran Kuantan	64	17	15	6	15	22	8	0	83	83
8	Majlis Perbandaran Bentong	30	44	22	24	14	116	0	1	221	219
9	Majlis Daerah Cameron Highlands	52	17	30	18	26	16	0	0	107	107
10	Majlis Perbandaran Manjung	95	12	25	17	16	22	19	40	151	151
11	Majlis Daerah Kuala Langat	30	9	31	28	21	89	5	0	183	183
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	38	0	0	0	0	0	0	0	0	0
13	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	55	4	6	11	7	7	0	1	36	25
JUMLAH		754	122	154	140	143	335	43	63	1,000	985
PERATUSAN (%)		-	12%	15%	14%	14%	34%	4%	6%	100%	99%

LAMPIRAN 10**Jadual 12 : Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 3**

BIL	NAMA PBT	JENIS KESALAHAN								JUMLAH	CATATAN
		Seksyen 5	Seksyen 15(3)	Seksyen 17(7)	Seksyen 20(3)	Seksyen 21	Seksyen 28	Seksyen 30	Seksyen 31(6)		
NEGERI JOHOR											
1	Majlis Perbandaran Batu Pahat	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2	Majlis Perbandaran Kluang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
3	Majlis Perbandaran Muar	4	0	0	2	12	0	0	0	208	226
NEGERI KEDAH											
4	Majlis Bandaraya Alor Setar	0	0	0	0	2	0	0	0	0	2
5	Majlis Perbandaran Langkawi	0	0	1	1	1	0	0	0	0	3
6	Majlis Perbandaran Sungai Petani	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1
NEGERI PAHANG											
7	Majlis Perbandaran Kuantan	10	0	0	0	21	0	0	0	30	61
8	Majlis Perbandaran Bentong	3	0	0	0	9	0	0	0	0	12
9	Majlis Daerah Cameron Highlands	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
NEGERI PERAK											
10	Majlis Perbandaran Manjung	1	0	0	0	1	0	0	0	0	2
NEGERI SELANGOR											
11	Majlis Daerah Kuala Langat	0	0	0	0	0	0	0	0	50	50
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
NEGERI TERENGGANU											
13	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		18	0	1	3	46	0	0	0	289	357

LAMPIRAN 11

Jadual 13 : Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan dalam kawasan PBT Kategori 3

BIL	Nama PBT	Bil. Kawasan Pemajuan	BIL. SAMPEL DAN PERATUSAN (%)	PENARAFAN BINTANG					
				5	4	3	2	1	TIADA MAKLUMAT
NEGERI : JOHOR									
1	Majlis Perbandaran Muar	60	22(37%)	0	3	13	4	2	38
2	Majlis Perbandaran Batu Pahat	177	28(16%)	0	4	7	16	1	149
3	Majlis Perbandaran Kluang	15	15 (100%)	0	0	3	10	2	0
NEGERI : KEDAH									
4	Majlis Bandaraya Alor Setar	123	19 (15%)	0	3	2	3	11	104
5	Majlis Perbandaran Langkawi	9	9 (100%)	0	2	2	3	2	0
6	Majlis Perbandaran Sungai Petani	6	6 (100%)	0	2	2	1	1	0
NEGERI: PAHANG									
7	Majlis Perbandaran Kuantan	64	64 (100%)	4	12	42	6	0	0
8	Majlis Perbandaran Bentong	30	30 (100%)	4	4	7	2	13	0
9	Majlis Daerah Cameron Highlands	52	47(90%)	1	0	18	21	7	5
NEGERI : PERAK									
10	Majlis Perbandaran Manjung	95	33(35%)	0	3	5	5	20	62
NEGERI: SELANGOR									
11	Majlis Daerah Kuala Langat	30	24 (80%)	0	5	9	6	4	6
12	Majlis Daerah Kuala Selangor	38	9(24%)	0	0	0	3	6	29
NEGERI : TERENGGANU									
13	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	55	55 (100%)	0	1	16	18	20	0
JUMLAH (PERATUS)		754 100%	361 48%	9 2.30%	39 9.80%	126 31.70%	98 24.70%	89 22.40%	393 52%

LAMPIRAN 12

Jadual 14 : Bilangan dan Jenis Pihak Pengurusan yang ditubuhkan berbanding bilangan kawasan pemajuan yang terdapat dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Kategori 4

No.	COB PBT Kategori 4	Bil. Kawasan Pemajuan	Bil. Dan Peratusan (%) JMB/MC
1	Majlis Daerah Pontian	5	5 (100%)
2	Majlis Daerah Kubang Pasu	3	3 (100%)
3	Majlis Perbandaran Kangar	2	2 (100%)
4	Majlis Daerah Sabak Bernam	2	2 (100%)
5	Majlis Daerah Batu Gajah	1	1 (100%)
6	Majlis Daerah Kuala Krai	1	1 (100%)
7	Majlis Daerah Kota Tinggi	50	47 (46%)
8	Majlis Perbandaran Temerloh	16	15 (94%)
9	Majlis Perbandaran Jasin	12	11 (92%)
10	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	37	33 (89%)
11	Majlis Daerah Kampar	20	13 (65%)
12	Majlis Perbandaran Teluk Intan	10	9 (90%)
13	Majlis Perbandaran Kota Bahru	21	16 (76%)
14	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	3	3 (100%)
15	Majlis Perbandaran Kemaman	4	4 (100%)
16	Majlis Daerah Kuala Pilah	3	2 (67%)
17	Perbadanan Putrajaya	10	0 (100%)
18	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	103	56 (54%)
19	Majlis Perbandaran Alor Gajah	12	6 (50%)
20	Majlis Perbandaran Taiping	11	7 (64%)
21	Majlis Daerah Jempol	4	3 (75%)
22	Majlis Daerah Tanjung Malim	4	4 (100%)
23	Majlis Daerah Segamat	3	1(33%)
24	Majlis Daerah Kerian	8	2(25%)
25	Majlis Daerah Raub	4	1(25%)
26	Majlis Perbandaran Kulim	6	2(33%)
27	Majlis Perbandaran Kulai	330	22(7%)
28	Majlis Daerah Lipis	7	0(0%)
29	Majlis Daerah Pekan	6	2(33%)
30	Majlis Daerah Labis	1	0(0%)
31	Majlis Daerah Maran	1	0(0%)
32	Majlis Daerah Bandar Baharu	0	0(0%)
33	Majlis Daerah Pasir Puteh	0	0(0%)
34	Majlis Daerah Rembau	0	0(0%)
35	Majlis Daerah Jerantut	0	0(0%)
36	Majlis Daerah Tapah	0	0(0%)
37	Majlis Perbandaran Dungun	0	0(0%)
38	Majlis Daerah Setiu	0	0(0%)
39	Perbadanan Labuan	0	0(0%)
Jumlah Keseluruhan		700	273 (36%)

LAMPIRAN 13**Jadual 15 : Bilangan dan Jenis Aduan yang diterima oleh COB PBT Kategori 4**

BIL	NAMA PBT	Bil Kawasan Pemajuan	JENIS ADUAN							Jumlah Terima	Jumlah Selesai
			Mesyuarat dan Pemilihan	Pentadbiran dan Pengurusan	Penyenggaraan dan Kerosakan	Isu Kewangan	Khidmat Nashat	Penguatkuasaan COB	Lain-Lain		
1	Majlis Perbandaran Kulai	330	3	3	33	0	23	6	0	68	68
2	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	37	0	0	1	2	0	0	0	3	3
3	Majlis Daerah Kota Tinggi	50	6	10	2	4	16	0	0	38	19
4	Majlis Daerah Labis	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
5	Majlis Daerah Pontian	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
6	Majlis Daerah Segamat	3	1	1	1	1	1	0	0	5	5
7	Majlis Perbandaran Kulim	6	0	0	0	0	0	0	0	0	0
8	Majlis Daerah Kubang Pasu	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
9	Majlis Daerah Bandar Baharu #	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
10	Majlis Perbandaran Kota Bharu	21	1	0	3	2	4	0	1	11	4
11	Majlis Daerah Kuala Krai	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
12	Majlis Daerah Pasir Puteh #	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
13	Majlis Perbandaran Alor Gajah	12	0	0	8	1	2	0	0	11	11
14	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	103	0	3	20	1	1	0	8	33	33
15	Majlis Perbandaran Jasin	12	0	0	0	0	0	0	0	0	0
16	Majlis Daerah Jempol	4	0	1	2	2	4	0	0	9	9
17	Majlis Daerah Kuala Pilah	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Majlis Daerah Rembau #	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Majlis Perbandaran Temerloh	16	0	0	0	1	0	0	1	2	2
20	Majlis Daerah Lipis	7	0	0	1	0	0	0	0	1	1
21	Majlis Daerah Maran	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Majlis Daerah Pekan	6	1	0	0	1	1	0	0	3	2
23	Majlis Daerah Raub	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Majlis Daerah Jerantut #	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Majlis Perbandaran Taiping	11	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Majlis Perbandaran Teluk Intan	10	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Majlis Daerah Batu Gajah	1	0	0	1	0	0	0	0	1	0
29	Majlis Daerah Kampar	20	0	0	1	0	0	0	0	1	1
30	Majlis Daerah Kerian	8	2	2	0	0	0	1	0	5	1
31	Majlis Daerah Tanjung Malim	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Majlis Daerah Tapah #	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Majlis Perbandaran Kangar	2	0	0	1	2	1	0	2	6	6
34	Majlis Daerah Sabak Bernam	2	0	0	0	0	1	0	0	1	1
35	Majlis Perbandaran Kemaman	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Majlis Perbandaran Dungun #	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Majlis Daerah Setiu #	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Perbadanan Putrajaya	10	0	1	0	1	0	0	0	2	1
39	Perbadanan Labuan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH		700	14	21	74	18	54	7	12	200	167
PERATUSAN (%)		-	7%	11%	37%	9%	27%	4%	6%	100%	84%

LAMPIRAN 14**Jadual 16 : Bilangan dan Jenis Tindakan Penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh COB PBT Kategori 4**

BIL	NAMA PBT	JENIS KESALAHAN									JUMLAH	CATATAN
		Seksyen 5	Seksyen 15(3)	Seksyen 17(7)	Seksyen 20(3)	Seksyen 21	Seksyen 28	Seksyen 30	Seksyen 31(6)	Seksyen 34		
1	Majlis Perbandaran Kulai	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
2	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	
3	Majlis Daerah Kota Tinggi	0	0	2	0	0	0	0	0	0	2	
4	Majlis Daerah Labis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
5	Majlis Daerah Pontian	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
6	Majlis Daerah Segamat	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
7	Majlis Perbandaran Kulim	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
8	Majlis Daerah Kubang Pasu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
9	Majlis Daerah Bandar Baharu #	TIDAK BERKAITAN									0	
10	Majlis Perbandaran Kota Bharu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
11	Majlis Daerah Kuala Krai	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
12	Majlis Daerah Pasir Puteh #	TIDAK BERKAITAN									0	
13	Majlis Perbandaran Alor Gajah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
14	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	19	0	6	0	12	0	0	0	2	39	
15	Majlis Perbandaran Jasin	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	

BIL	NAMA PBT	JENIS KESALAHAN									JUMLAH	CATATAN
		Seksyen 5	Seksyen 15(3)	Seksyen 17(7)	Seksyen 20(3)	Seksyen 21	Seksyen 28	Seksyen 30	Seksyen 31(6)	Seksyen 34		
16	Majlis Daerah Jempol	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
17	Majlis Daerah Kuala Pilah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
18	Majlis Daerah Rembau #	TIDAK BERKAITAN									0	
19	Majlis Perbandaran Temerloh	0	0	0	0	24	0	0	0	0	24	
20	Majlis Daerah Lipis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
21	Majlis Daerah Maran	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
22	Majlis Daerah Pekan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
23	Majlis Daerah Raub	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
24	Majlis Daerah Jerantut #	TIDAK BERKAITAN									0	
25	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
26	Majlis Perbandaran Taiping	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
27	Majlis Perbandaran Teluk Intan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
28	Majlis Daerah Batu Gajah	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
29	Majlis Daerah Kampar	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
30	Majlis Daerah Kerian	18	0	0	12	6	0	0	0	0	36	

BIL	NAMA PBT	JENIS KESALAHAN									JUMLAH	CATATAN
		Seksyen 5	Seksyen 15(3)	Seksyen 17(7)	Seksyen 20(3)	Seksyen 21	Seksyen 28	Seksyen 30	Seksyen 31(6)	Seksyen 34		
31	Majlis Daerah Tanjung Malim	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
32	Majlis Daerah Tapah #	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
33	Majlis Perbandaran Kangar	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
34	Majlis Daerah Sabak Bernam	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
35	Majlis Perbandaran Kemaman	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
36	Majlis Perbandaran Dungun #	TIDAK BERKAITAN									0	
37	Majlis Daerah Setiu #	TIDAK BERKAITAN									0	
38	Perbadanan Putrajaya	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
39	Perbadanan Labuan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
		37	0	8	12	42	0	0	0	3	102	

LAMPIRAN 15

Jadual 17 : Bilangan dan Kualiti Pengurusan (Star Rating) yang terdapat pada setiap kawasan pemajuan dalam kawasan PBT Kategori 4

BIL	Nama PBT	Bil. Kawasan Pemajuan	BIL. SAMPEL DAN PERATUSAN (%)	PENARAFAN BINTANG					
				5	4	3	2	1	TIADA MAKLUMAT
NEGERI : JOHOR									
1	Majlis Perbandaran Kulai	330	20 (6%)	0	3	10	7	0	310
2	Majlis Daerah Segamat	3	0 (0%)	0	0	0	0	0	3
3	Majlis Daerah Labis	1	1 (100%)	0	1	0	0	0	0
4	Majlis Daerah Pontian	5	5 (100%)	0	1	2	2	0	0
5	Majlis Daerah Kota Tinggi	50	9(18%)	0	3	2	2	2	41
6	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	37	21 (56%)	0	0	3	4	14	16
NEGERI : KEDAH									
7	Majlis Perbandaran Kulim	6	6 (100%)	0	0	0	2	4	0
8	Majlis Daerah Bandar Baharu	0	TIDAK BERKENAAN						
9	Majlis Daerah Kubang Pasu	3	3 (100%)	0	0	2	1	0	0
NEGERI: KELANTAN									
10	Majlis Perbandaran Kota Bahru	21	21 (100%)	0	5	14	2	0	0
11	Majlis Daerah Kuala Krai	1	1 (100%)	0	1	0	0	0	0
12	Majlis Daerah Pasir Puteh	0	TIDAK BERKENAAN						
NEGERI: MELAKA									
13	Majlis Perbandaran Alor Gajah	12	8 (66%)	0	0	6	2	0	4
14	Majlis Perbandaran Jasin	12	4 (33%)	0	0	4	0	0	8
15	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	103	71(68%)	0	10	21	8	32	32
NEGERI: NEGERI SEMBILAN									
16	Majlis Daerah Kuala Pilah	3	3 (100%)	0	2	1	0	0	0
17	Majlis Daerah Jempol	4	4 (100%)	0	0	3	1	0	0
18	Majlis Daerah Rembau	0	TIDAK BERKENAAN						

BIL	Nama PBT	Bil. Kawasan Pemajuan	BIL. SAMPEL DAN PERATUSAN (%)	PENARAFAN BINTANG					
				5	4	3	2	1	TIADA MAKLUMAT
NEGERI: PAHANG									
19	Majlis Perbandaran Temerloh	16	16 (100%)	0	0	0	1	15	0
20	Majlis Daerah Maran	1	1 (100%)	0	0	1	0	0	0
21	Majlis Daerah Pekan	6	2(33%)	0	0	0	0	2	4
22	Majlis Daerah Lipis	7	7 (100%)	0	0	0	0	7	0
23	Majlis Daerah Raub	4	4 (100%)	0	1	1	1	1	0
24	Majlis Daerah Jerantut	0	TIDAK BERKENAAN						
NEGERI : PERAK									
25	Majlis Perbandaran Taiping	11	11 (100%)	0	0	0	0	11	0
26	Majlis Daerah Kampar	20	19 (95%)	0	1	5	9	4	1
27	Majlis Perbandaran Teluk Intan	10	10 (100%)	0	1	3	3	3	0
28	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	3	3 (100%)	0	0	2	1	0	0
29	Majlis Daerah Kerian	8	8 (100%)	0	0	0	1	7	0
30	Majlis Daerah Tanjung Malim	4	2 (50%)	0	0	0	1	1	2
31	Majlis Daerah Batu Gajah	1	0 (0%)	0	0	0	0	0	1
32	Majlis Daerah Tapah	0	TIDAK BERKENAAN						
NEGERI: PERLIS									
33	Majlis Perbandaran Kangar	2	2 (100%)	0	0	1	1	0	0
NEGERI: SELANGOR									
34	Majlis Daerah Sabak Bernam	2	2 (100%)	0	0	2	0	0	0

BIL	Nama PBT	Bil. Kawasan Pemajuan	BIL. SAMPEL DAN PERATUSAN (%)	PENARAFAN BINTANG					
				5	4	3	2	1	TIADA MAKLUMAT
NEGERI : TERENGGANU									
35	Majlis Perbandaran Kemaman	4	4 (100%)	0	0	4	0	0	0
36	Majlis Perbandaran Dungun	0		TIDAK BERKENAAN					
37	Majlis Daerah Setiu	0		TIDAK BERKENAAN					
NEGERI : WILAYAH PERSEKUTUAN									
38	Perbadanan Putrajaya	10	6 (73.3%)	0	4	2	0	0	4
39	Perbadanan Labuan	0		TIDAK BERKENAAN					
JUMLAH (PERATUS)		700	360	0	33	96	90	135	346
		100%	52%	0%	5%	14%	13%	20%	48%

LAMPIRAN 16**Jadual 18 : Bilangan Seminar Pengurusan Bangunan Berstrata mengikut Negeri Tahun 2013**

Bil.	Negeri	Bil. Seminar	Jumlah Peserta	Kos Seminar
1	Johor	6	1,150	33,050.00
2	Kedah	1	120	4,140.00
3	Melaka	2	330	10,280.00
4	Negeri Sembilan	3	730	15,500.00
5	Pahang	3	400	13,420.00
6	Perak	2	660	8,739.60
7	Pulau Pinang	2	200	11,000.00
8	Selangor	14	2,695	74,150.00
9	Terengganu	1	200	4,600.00
JUMLAH		34	6,485	174,879.60